

**[USING I'JAZ TA'THIRI AS A TERM IN QURANIC STUDIES : THE CONCEPT AND DEVELOPMENT]****KONSEP DAN PERKEMBANGAN PENGGUNAAN TERMINOLOGI *I'JAZ TA'THIRI* DALAM PENGAJIAN AL-QURAN**

TASNIM ABDUL RAHMAN<sup>1</sup>  
SHARIFAH NORSHAH BANI SYED BIDIN<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Terengganu, MALAYSIA.  
Email: tasnimrahman@unisza.edu.my

---

Received: 21 July 2021

Accepted: 15 August 2021

Published: 1 December 2021

---

**Abstract**

The emergence of various forms of research related to *i'jaz al-Quran* has further enriched research in the field of Quranic sciences. *I'jaz ta'thiri* is considered to be one of the dimensions of *i'jaz* that has yet to reach the level of thorough discussion by a number of scholars in the field of Qur'anic research. Therefore, this article aims to analyze the concept and development of the term *i'jaz ta'thiri* according to the perspectives of classical and contemporary scholars. This analysis is important to anticipate the future of research that is evolving on *i'jaz ta'thiri*, as well as to determine the proper stance in the maturation process of the concept of *i'jaz ta'thiri*. The qualitative analysis approach of the views of Islamic scholars is seen as one of the main methodologies of this study. The results show that *i'jaz ta'thiri* is one of the forms of *i'jaz al-Quran* that can be categorized separately and is not incorporated in other categories of *i'jaz al-Quran*. The rigor of discussion among past and contemporary scholars on *i'jaz ta'thiri* points to the lofty position of the Qur'an which is an eternal miracle revealed to the Prophet PBUH rich in sources of knowledge that need to be continually studied to enable the ummah to benefit from them.

**Keywords:** *I'jaz al-Quran*, *i'jaz ta'thiri*, the miracles of the Quran, *tadabbur al-Quran*.

**Abstrak**

Kemunculan pelbagai bentuk penyelidikan *I'jaz al-Quran* telah memperbanyak lagi penyelidikan dalam ulum al-Quran. *I'jaz ta'thiri* dianggap sebagai salah satu dimensi *i'jaz* masih belum menemui perbincangan yang tuntas oleh sebilangan sarjana dalam bidang penyelidikan al-Quran. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis konsep dan perkembangan istilah *i'jaz ta'thiri* menurut perspektif sarjana klasik dan kontemporari. Analisis ini penting untuk melihat masa depan penelitian terhadap *i'jaz ta'thiri* yang sedang berkembang, serta menentukan pendirian yang wajar dalam proses pematangan konsep *i'jaz ta'thiri*. Pendekatan melalui analisis kualitatif terhadap pandangan sarjana Islam dilihat sebagai satu metodologi utama kajian ini. Hasil kajian menunjukkan *i'jaz ta'thiri* adalah merupakan salah satu bentuk *i'jaz al-Quran* yang boleh dikategorikan secara berasingan, dan tidak bersatu dengan kategori *i'jaz al-Quran* yang lain. Kecaknaan para sarjana silam dan kontemporari

terhadap perbahasan *i'jaz ta'thiri* menunjukkan kepada ketinggian kedudukan al-Quran yang merupakan mukjizat kekal kepada Rasulullah SAW yang kaya dengan sumber ilmu yang perlu terus dikaji agar dapat dimanfaatkan oleh umat sejagat.

**Kata kunci:** *I'jaz al-Quran*, *i'jaz ta'thiri*, kemukjizatan al-Quran, tadabbur al-Quran.

## PENGENALAN

Keistimewaan Al-Quran sebagai wahyu telah mendorong umat Islam untuk melihat segala aspek dalam kitab suci ini. Motivasi untuk mentadabbur dan membaca al-Quran telah mendorong pengkaji untuk meneroka ilmu al-Quran dalam pelbagai aspek. Selain kajian mengenai muhkam mutasyabih, nasikh mansukh, hukum tajwid, tafsir, qiraat, merkea mangkaji tentang kemukjizatan al-Quran. *I'jaz ta'thiri* adalah perbincangan berkaitan kesan dan pengaruh al-Quran terhadap makhluk hidup mahupun makhluk *jamad*. Penjelasan mengenainya ada disebutkan di dalam al-Quran meskipun tidak menggunakan terminologi *i'jaz ta'thiri* secara langsung. Jika dilihat dalam perbahasan yang dikemukakan oleh ulama tradisi dan kontemporari pula, didapati sebahagian mereka membincangkan *i'jaz ta'thiri* sebagai satu kategori khusus dalam perbahasan kemukjizatan al-Quran, manakala sebahagian yang lain tidak menyebutkannya sebagai satu kategori khusus tetapi konsepnya dapat difahami dalam penelitian terhadap kategori *i'jaz* lain dalam *i'jaz al-Quran*.

Terdapat kritikan yang mempertikai tentang konsep *i'jaz ta'thiri*. Pertikaian ini dilihat dari sudut keunikan mukjizat ini berbanding dengan kategori mukjizat al-Quran yang lain, apakah ia memberi nafas baharu dalam ruang lingkup kesarjanaan ilmu Al-Quran atau pun masih berlegar dalam kerangka *i'jaz al-Quran* yang umum. Ini bermakna, tidak mudah untuk para sarjana menerima masuk konsep *i'jaz ta'thiri* ke dalam lingkungan mukjizat kerana justifikasi mukjizat aspek ini yang kabur dan samar. Selain itu, kemukjizatan keberkesanan (*ta'thiri*) yang didakwakan ini perlu kepada pembuktian sekurang-kurangnya aspek kemujarabannya secara saintifik dan empirik. Sebahagian pengkritik menilai *i'jaz ta'thiri* ini hanyalah nama lain dari *i'jaz nafsi*, *i'jaz wijdani*, *i'jaz ruhani*, dan mempersoalkan sejauh mana perbezaannya dengan bentuk-bentuk *i'jaz* yang lain ini. Pada dasarnya *i'jaz ta'thiri* ini tidak lain daripada teori-teori yang telah dikemukakan dalam karya-karya klasik yang menggariskan prinsip dan pemahaman dasarnya. Wacana yang menarik tentang falsafah dan epistemologi *i'jaz* ini mulai dikembangkan dalam kajian mutakhir yang menambah baik pengaplikasian teori-teori *i'jaz* yang terdahulu. Justeru artikel ini bertujuan untuk menjelaskan konsep *i'jaz ta'thiri* dan perkembangan penggunaan terminologinya menurut pandangan ulama tradisi dan kontemporari.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif menggunakan kaedah tinjauan literatur. Menurut Chua (2011) tujuan tinjauan literatur adalah untuk meletakkan sesuatu kajian yang diajalankan dalam perspektif saintifik dan membantu pengkaji mengaitkannya dengan pengetahuan (body of knowledge). Dengan merujuk kepada kitab-kitab berkaitan *i'jaz ta'thiri*, *i'jaz al-Quran*, dan kitab Ulum al-Quran, kajian ini menghuraikan konsep dan perkembangan penggunaan

terminologi *i'jaz ta'thiri* dalam pengajian al-Quran. Terdapat 4 aspek yang dikupas iaitu definisi *i'jaz ta'thiri*, terminologi berkaitan *i'jaz ta'thiri*, pandangan sarjana klasik dan kontemporari tentang *i'jaz ta'thiri*, dan kajian-kajian berkaitan *i'jaz ta'thiri*. Terdapat juga artikel terpilih yang berkaitan dengan tajuk sama ada pro atau kontras.

## ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

### Definisi *I'jaz Ta'thiri*

Secara etimologi, kata *i'jaz* ialah bentuk *masdar* dari kata *a'jaza ya'jizu*, *i'jaazan* (kata kerja transitif) bererti melemahkan, memperlemah atau membuat tak berdaya. Ia berasal dari kata dasar *a'jaza ya'jizu*, bermakna lemah atau tak mampu. Pelakunya (yang melemahkan) dinamai *mu'jiz*, dan kemampuannya membungkamkan lawan dinamai *mukjizah*. Penambahan *ta marbutah* pada akhir perkataan itu mengandungi makna *mubalaghah (superlative)* (Shihab, 2007) (Kartini, 2015). *I'jaz* dari segi istilah *syar'iyyah* ditakrifkan sebagai “perkara yang mencarik adat yang disertakan dengan cabaran (*tahaddi*), serta terlepas dari tentangan” (al-Suyuti, *al-Itqan*, kategori *i'jaz* yang ke 64) (*Manna al-Qattan, Mabahith fi Ulumul Quran*). Dalam *Kamus Besar Indonesia* kata mukjizat diertikan sebagai “kejadian ajaib yang sukar dijangkau oleh kemampuan akal manusia”. Manna Khalil al-Qattan (t.th., 258-260) mendefinisikan pengertian *i'jaz* sebagai “memperlihatkan kebenaran Nabi (SAW) atas pengakuan kerasulannya, dengan cara menampakkan lemahnya orang-orang Arab dan generasi sesudahnya untuk menandingi kemukjizatan al-Quran.” Manakala Ali al-Shabuny mentakrifkannya sebagai “menetapkan kelemahan manusia baik secara kumpulan atau bersama-sama buat menandingi hal yang serupa dengannya”.

Dari segi istilah *i'jaz ta'thiri* diibaratkan sebagai keadaan takjubnya yang bersanggutan terhadap al-Qur'an dan pada gaya uslubnya, cara susunan lafaznya, makna dan *nazamnya* (struktur) yang mempengaruhi perasaan manusia (baik mukmin mahupun kafir). Perasaan ini bertindak balas di dalam dirinya, sehingga ia tidak mampu menentangnya, seraya menzahirkan kesannya pada kulitnya, lidahnya, hati, akal dan pandangannya, dan hal itu lantas menyebabkan tunduk (khusyuk) hatinya natijah daripada (kesangatan) nya dan yang demikian kemungkinan sampai mengalirkan air matanya (Radwan Jamal Atrash, 2007, h. 312)

### Terminologi berkaitan *I'jaz ta'thiri*

*I'jaz ta'thiri* (*influencing effect of inimitability*) dapat difahami sebagai mukjizat kesan dan pengaruh. Doktrin ini menyangkut dengan faham bahawa al-Qur'an berpengaruh kepada hati pengikut dan musuhnya. Penggunaan terminologinya adalah berbagai-bagai mengikut konteks asal pemahamannya, sebagai contoh Muhammad al-Ghazali yang menggunakan istilah *i'jaz nafsi* (kejiwaan). Sebahagiannya menggunakan *i'jaz wijdani* (perasaan). Umumnya ungkapan ini bermaksud keberkesanan al-Qur'an dalam menyentuh jiwa dan perasaan khalayaknya sehingga terkesan mengakui keagungan al-Qur'an, baik menerima dan beriman atau kekal mengingkarinya (kufur). (Khalid Muhammad al-Qudah, 2005, h. 8)

Perbincangan terkait kesan dan pengaruh emosi ini telah dirumuskan para ulama' klasik, iaitu tentang peranan *i'jazi* nya, sebagaimana penelitian al-Khattabi dalam *Bayan I'jaz al-Qur'an* yang menyebut: “Aku telah nyatakan aspek-aspek lain terkait *i'jaz* al-Qur'an, yang tidak diketahui kecuali sebahagian kecil yang tertentu. Ianya adalah sudut-sudut dalam hati serta kesannya dalam jiwa.” (Khalid Muhammad al-Qudah, *al-i'jaz*, 10). Perkaitan ini berdasarkan firman Allah dalam surah al-Zumar (39: 23) yang menanggapi ciri-ciri *i'jaz* sebagaimana FirmanNya: “Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci Al-

Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab Suci itulah hidayah petunjuk Allah; Allah memberi hidayah petunjuk dengan Al-Quran itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya.”

Kajian-kajian terbaru juga menunjukkan pengaruh pembacaan ayat-ayat al-Quran yang berkesan memulihkan sindrom autisme (Amir M.A.L. et al, 2019), yang digunakan sebagai terapi komplimentari. Berdasarkan sumber-sumber terminologinya, aspek-aspek *i'jaz* ini merangkul pemahaman yang luas dalam tema-tema asasnya ini yang dikenal sebagai *i'jaz nafsi*, atau *i'jaz wijdani*, dengan maksud yang hampir sama. Meski demikian sebahagian darinya tidak dapat dianggap terlingkung dalam kajian *i'jaz al-Qur'an* kerana ia lebih berupa karya-karya bersifat *ilm al-nafs* (psikologi) yang melihat sentuhan emosi dalam Islam. (Mustafa Rajab, 2009; 'Ayid Taha Nasif, 2008)

### ***I'jaz Ta'thiri* menurut Sarjana Klasik**

Para sarjana silam dan kontemporari telah membincangkan tentang *i'jaz ta'thiri* dalam al-Quran melalui penghasilan karya-karya mereka. Antara sarjana yang menyebutkan tentang bentuk *i'jaz* ini ialah:

- i. Imam al-Zarkasyi dalam *al-Burhan fi Ulum al-Quran*.
- ii. Imam al-Suyuti dalam *Mu'tarik al-Aqrān*.
- iii. Syaikh al-Zarqani dalam *Manahil al-Urfān*.
- iv. Syaikh Muḥammad Said al-Buti dalam *Min Rawai' al-Qur'an*.
- v. Syaikh Muḥammad al-Ghazali dalam *Nazārat fi al-Qurān al-Karīm*.

Namun, pengkaji akan meringkaskan perbincangan ini dengan mengemukakan tiga pandangan utama daripada sarjana klasik dan tiga pandangan utama sarjana kontemporari.

#### **1. Imam al-Khattabi (w.388H)**

Al-Khattabi (1953) dikira sebagai orang pertama yang menonjolkan bentuk I'jaz ta'thiri dengan berkata: “Sesungguhnya kau tidak akan mendengar sebarang kalam selain al-Quran dilihat dan dibacakan apabila pendengaran disentuh olehnya, kelazatan dan kemanisan akan menyusup masuk ke dalam jiwa pada satu keadaan. Pada keadaan lain pula, rasa keunikan dan kehebatan pula menjenguk masuk lalu jiwa menjadi gembira dan dada berasa lapang sehingga apabila diambil bahagiannya sedikit daripadanya, bahagian itu akan kembali kepadanya dalam keadaan gerun yang diselubungi oleh getaran pada jiwa dan runsing pada fikiran. Rasa takut dan berbelah bagi menyelimutinya hingga meremangkan kulit dan mengganggu jiwa. Perkara ini berulang alik antara jiwa, perasaan dan pegangannya yang memahami akannya. Berapa ramai musuh Rasulullah SAW daripada kalangan Arab bertemu baginda dengan niat hendak membunuhnya lalu mereka mendengar ayat-ayat al-Quran lantas ketika bacaan itu menghinggap ke pendengaran mereka, mereka tidak teragak-agak untuk berubah daripada pendirian awal mereka, dan cenderung untuk tunduk menyerah kepada baginda

serta memeluk agama Islam. Musuh-musuhnya menjadi pendokongnya, dan kekufturan mereka menjadi keimanan.”

Al-Khattabi menghuraikan kesan al-Quran terhadap jiwa manusia terbahagi kepada dua sudut iaitu sudut dalaman yang terzahir pada perasaan dengan rasa indah, hebat dan unik; dan sudut luaran yang terserlah pada meninggalkan akidah yang fasid dan beriman kepada akidah yang sejahtera.

## 2. Imam al-Baqillani (w.372H)

Al-Baqillani (1986) dalam karyanya *I'jaz al-Quran* menjelaskan tentang *i'jaz ta'thiri* yang berbentuk kesan al-Quran terhadap hati dan penetapan pada jiwa: “Apabila kalam itu meninggi dalam dirinya, ia memiliki kesan pada hati dan bertapak di jiwa, iaitu kesan yang menakjubkan dan indah, merunsingkan dan menenangkan, membuatkan orang mencari-cari dan berputus asa, menghiburkan dan mengeluarkan tangisan, menyedihkan dan menggembirakan, mendamaikan dan menggaggu fikiran, mengasyikkan, memuaskan dan menggegarkan jiwa. Ia menarik perhatian pendengar dan menyebabkan kemuliaan dan keagungan. Kadang kala ia menjadi sebab kerahan rohani dan harta bertukar kepada sumber keberanian dan kemuliaan, pendengar akan melontarkan dari pemikirannya tujuan yang amat jauh pandangannya, dan dia memiliki peribadi-peribadi yang lembut di dalam jiwa dan pendirian-pendirian yang mendalam pada hatinya.”

## 3. Al-Qadi 'Iyad (w.544H)

Al-Qadi 'Iyad (2002) telah menyebutkan tentang bentuk *i'jaz* ini dalam penulisannya *al-Syifa bi Huquq al-Mustafa* dengan berkata: “Antaranya ialah keunikan yang menyusup masuk ke dalam jiwa para pendengarnya dan pendengaran mereka ketika mereka mendengarnya, kehebatan yang menyelubungi mereka ketika pembacaannya kerana kekuatan zatnya dan penenangan mindanya. Di sisi para pendustanya, ia lebih besar kesannya sehingga dahulu ia sukar diterima untuk mendengarnya dan mereka semakin melarikan diri darinya sebagaimana firman Allah SWT. Mereka sentiasa mendambakan ia terhenti akibat kebencian mereka terhadapnya. Adapun orang yang beriman, keunikan dan kehebatannya sentiasa mengunjunginya ketika pembacaannya diikuti dengan daya tarikan dan keasyikan kerana kencenderungan hatinya kepadanya dan pemberarannya terhadapnya. Perkara ini menunjukkan bahawa al-Quran yang turut terkesan kepada orang yang tidak memahami makna mahupun mengetahui tafsirannya.” Dari pada kalam al-Qadi 'Iyad, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kesan al-Quran itu turut sampai kepada insan buta yang tidak memiliki sebarang kemampuan dalam ilmu tafsir mahupun memahami makna al-Quran.

### *I'jaz Ta'thiri* menurut Sarjana Kontemporari

#### 1. Muhammad Farid Wajdi (w1372H)

Sarjana kontemporari seperti Muhammad Farid Wajdi (1971) berpandangan *i'jaz ta'thiri* sebagai bentuk *i'jaz* yang paling utama. Malahan, beliau mengutamakannya berbanding *i'jaz balaghah* serta menolak kenyataan bahawa *balaghah* lebih meluas kekuatannya terhadap jiwa dengan berkata: “Para pengkaji tentang *i'jaz* al-Quran membataskan seluruh penumpuan mereka dalam menjelaskan *i'jaz* itu dari sudut

*balaghah* lalu mereka menulis tentang itu dengan panjang lebat ditambah pula dengan kesannya. Sebahagian mereka mengkhususkan kesannya itu dalam penulisan yang tersendiri. Walaupun penulis beranggapan bahawa al-Quran telah mencapai tahap tertinggi pada sudut ini, penulis tidaklah beranggapan ia adalah satu-satunya sudut *i'jaznya*. Jiwa mendapatkan ketakjuban dan penerimaan ini, dalam keadaan lemah, sedikit demi sedikit, melalui pendengaran yang berulang-ulang oleh jiwa namun tidaklah ia kembali diperkatakan lagi padanya sebagaimana pada awal kejadiannya pada jiwa itu. Terbukti bahawa pengulangan tilawahnya bukan sahaja akan menambah kesan tetapi ia bertapak di jiwa dan akal. Maka, ke atas pemerhatinya, seharusnya dia mencari akan bentuk *i'jaznya* pada tempat lain yang cukup untuk menjustifikasi kemampuan yang luas capaiannya, iaitu kemampuan yang dahulunya membuatkan al-Quran itu menambat hati-hati orang yang ingkar.

Beliau menjelaskan lagi bahawa al-Quran memberi kesan kepada jiwa sebagaimana ruh memberi kesan kepada tubuh, dan beliau menetapkan bahawa kesan-kesan *i'jaz* ini diperolehi oleh semua orang, sama ada orang itu mengetahui bahasa atau tidak.

Pengkaji bersetuju dengan Syaikh Muhammad Farid Wajdi dalam penegasannya tentang kepentingan *i'jaz ta'thari* dan kedudukannya tetapi tidak bersetuju tentang kedudukan yang diutamakan berbanding *i'jaz bayani* dan *i'jaz balaghi*. Hal ini kerana *i'jaz ta'thiri* ialah bentuk yang mencabar manusia sejagat dan kenyataan ini dipersetujui oleh para sarjana silam dan kontemporari. Justeru, tidak selayaknya ia diutamakan berbanding bentuk-bentuk *i'jaz* yang lain.

## 2. Sayyid Qutb (w1386H)

Sayyid Qutb dianggap sebagai tunggak kepada teori *taswir fanni* (gambaran artistik) dalam al-Quran, iaitu teori yang memainkan peranan besar dalam mencakupi sudut-sudut *i'jaz ta'thiri* di dalam al-Quran dengan perkara yang meliputinya seperti *tasybih* (penyerupaan), *iha'* (indikasi) dan menyandarkan kehidupan dan pergerakan pada *jamadat*.

Sayyid Quṭb (2004) di dalam karyanya *al-taswir al-fanni* menggambarkan *i'jaz ta'thiri* dengan beberapa istilah seperti *sihr al-Quran* dengan berkata: “al-Quran telah mempersonakan orang Arab sejak detik pertama lagi, sama ada mereka itu dilapangkan dadanya oleh Allah untuk menerima Islam mahupun orang yang meletakkan penutup pada penglihatannya. Kisah keislaman ‘Umar bin al-Khattab dan al-Walid bin al-Mughirah adalah sebahagian contoh daripada pelbagai kisah-kisah berkenaan keimanan dan keingkaran. Kedua-duanya menyingkap tentang “sihir” al-Quran ini yang menarik perhatian bangsa Arab sejak detik pertama. Kisah ini, dari dua sudut pandang yang berbeza, menjelaskan tentang keluasan sihir yang berkuasa ini yang sama-sama diakui oleh orang beriman dan orang kafir.”

Beliau menganggap kesan pangaruh al-Quran tidak terhad kepada orang Arab sahaja, malahan kepada selain Arab dengan mengatakan: “Sesungguhnya pencapaian al-Quran amat cemerlang dan unik berbanding pencapaian manusia. Ia memiliki kekuasaan yang menakjubkan terhadap jiwa-jiwa manusia yang tidak dimiliki oleh manusia sehingga kadang kala, dengan sekadar pembacaannya kepada orang yang tidak mengetahui walau satu pun huruf dalam bahasa Arab sahaja, ia mampu memberi kesan.”

## 3. Dr. Fadhl Hasan Abbas (w1432H)

Dr. Fadl Hasan Abbas (2007) membahaskan konsep *I'jaz ta'thiri* dalam kitabnya *I'jaz al-Quran al-Karim* dalam fasal kelima yang bertajuk *al-I'jaz al-Nafsi wa al-I'jaz al-Ruhi, wa Hal Huma Wajh Wahid am Wajhan Mustaqillan*. Beliau lebih cenderung menggunakan istilah *i'jaz ruhi*. Beliau berhujah bahawa *i'jaz ruhi* adalah satu impak yang agung bagi al-Quran terhadap jiwa-jiwa manusia dari sudut kehebatan dan kemanisan, keasyikan dan kegerunan. Hujahnya: “Tiada kitab di dunia ini yang memiliki impak ke atas pembaca dan pendengarnya sebagaimana yang dimiliki oleh al-Quran ini hatta orang yang tidak mengetahui maknanya mahupun memahami lafaznya kita akan dapat mereka turut terkesan dengan al-Quran ini.”

Beliau telah menjadikan bentuk *i'jaz* ini sebagai salah satu pecahan kepada *i'jaz bayani* dan tidak bersetuju menjadikannya sebagai satu bentuk yang tersendiri.

### **Kajian-kajian Berkaitan *al-I'jaz al-Ta'thiri***

Landasan teoretikal dalam kajian *i'jaz ta'thiri* ini adalah berasaskan premis yang menekankan kesan *i'jaz al-Quran* dan pengaruhnya yang melemahkan. Ini dirumuskan dari nas-nas al-Qur'an dan riwayat-riwayat hadith yang sahih yang memberikan landasan dalam kajian tentang pengaruh kemukjizatan *Ayatul Quran* yang luar biasa.

Kenyataan ini dapat disorot dari keterangan-keterangan sejarah yang terkait, yang menjadi dasar dalam pemikiran *i'jaz* dan kehujahannya, di mana sentuhan jiwa oleh al-Qur'anlah yang mengesani 'Umar ibn al-Khattab yang mendorongnya memeluk Islam selepas mendengarnya. Ialah yang mendorong Abu Jahl bin Hisham, Abu Sufyan bin Harb dan al-Akhnas bin Shurayq dengan sembunyi-sembunyi tertarik ke rumah Nabi (saw) pada waktu malam untuk mendengarkan bacaan al-Qur'annya. Kisah-kisah yang bersangkutan ini menzahirkan dua aspek *i'jaz* yakni *i'jaz bayani* dan *i'jaz ta'thiri* (Abdullah bin Muqbil al-Qarni, 2017) yang berpengaruh dalam kajian-kajian *i'jaz* semasa. Riwayat-riwayat sejarah ini telah melahirkan penelitian selanjutnya yang terkait dengan aspek-aspek khusus dalam perkembangan pemikiran *i'jaz* dan pembuktianya dalam al-Qur'an. Oleh itu, artikel ini menyimpulkan dua jenis kajian yang telah dijalankan oleh sarjana muslim, iaitu kajian klasik dan kajian kontemporari.

#### **1. Kajian Klasik**

Kajian-kajian klasik tentang isu *i'jaz ta'thiri* memaparkan perbahasan yang menarik tentang pemikiran *i'jaz* yang menjadi rujukan yang ideal dalam mengetahui corak dan *ikhtilafat* dalam tema-tema *i'jaz*.

Imam al-Suyuti (w. 911 H) (1969, h. 242) dalam kitabnya *Mu'tarak al-Quran* menyebut sejumlah 35 jenis *i'jaz al-Quran*. Antara yang dikupas dalam pertimbangan-pertimbangan yang lanjut dan dalam pemerhatian-pemerhatian yang timbul di masa akhir ini ialah *i'jaz tibbi*, *i'jaz ilmi (tajribi)*, *i'jaz tashri'i*, *i'jaz musiqiy*, *i'jaz 'adadi* (bilangan), *i'jaz balaghi*, *i'jaz lughawi*, *al-falaki*, *i'lami*, *rasm*, *tilawah*, *tabi'i*, *al-ta'thiri* (mukjizat keberkesanan) dan lain-lain. Menurut Abdul Qahir al-Jurjani dalam karyanya *Dala'il al-I'jaz* dan *Asrar al-Balaghah*, *I'jaz al-Quran* tidak terletak pada keindahan lafaz dan makna setiap lafaz itu, melainkan pada struktur kalimat dan makna yang terkandung di sebalik struktur kalimat itu (*al-nazm* – struktural) (Kartini, 2015). Beliau tidak sepandapat dengan al-Jubbai', yang memandang bahawa *i'jaz* terdapat pada fasahah lafaz dan makna (Syauqi Dhaifi, t.th., 216). Dinyatakan bahawa semua fasahah lafaz bukan *nazm*, dan bukan *i'jaz al-Quran*, kerana fasihnya lafaz tidak dilihat dari

lafaz itu sendiri, tetapi dari posisi lafaz tersebut dalam *kalam* dan strukturnya (*nazm*). (Husain, t.th., 402) (Kartini, 2015).

Menurut Al-Qardhawi, keragaman bentuk *i'jaz al-Quran* mulai dari *i'jaz bayani wal adabi* dan *i'jaz islahi aw tashri'i* sampai *i'jaz ilmi*, dengan didalamnya diketahui yang al-Qur'an merupakan mukjizat terbesar yang diberikan Allah kepada Nabi Muhammad SAW dan bukan hasil dari rekaan manusia. (Adik Hermawan, 2016) Polemik tentang *I'jaz al-Qur'an* telah menjadi isu yang substantif dalam kajian 'ulum al-Quran yang menimbulkan perbezaan pandangan yang meluas. Banyak dimensi baru dalam kajian *i'jaz* yang mendapat kritik seperti *i'jaz 'adadi* yang dipandang paling terbaru dalam ruang lingkup kajian dan perkembangannya secara spesifik. Pembatasan kajian *i'jaz* ini hanya tentang aspek-aspek yang khusus (seperti *bayani*) dalam mensabitkan *i'jaz* menyebabkannya menolak aspek-aspek asas yang lain, malah istilah *i'jaz al-Quran* hanya dikenali selepas kurun keenam Hijrah. (Ahmad Jamal al-'Umari, *Mafhum al-I'jaz al-Qur'aniy*). Umumnya kemukjizatan al-Qur'an itu meliputi tiga aspek, iaitu aspek bahasa (sastera, kefasihan), aspek ilmiah (sains, ramalan) dan aspek *tasyri'* (syariat) (Abu Zaki 2017) hingga yang menolak terminologi *i'jaz* itu sendiri.

## 2. Kajian Kontemporari

Beberapa kajian tentang *i'jaz ta'thiri* dan jenis-jenisnya (*wujuh al-i'jaz*) telah dianalisis secara teoretikal oleh Ziyad 'Awwad Abu Hammad dalam artikelnya (*al-I'jaz al-Ta'thiri fil Qur'an al-Karim*); 'Abd al-Karim 'Ali 'Abduh al-Fahdi dalam bukunya *al-I'jaz al-Ta'thiri lil Qur'an al-Karim* dan Sharifah Norshah Bani Syed Bidin dan Ahmed S.A. Alqodsi dalam makalah mereka *Wujuh al-I'jaz al-Ta'thiri fi al Qur'an al-Karim* (2017). Sharifah menekankan persoalan *al-I'jaz al-Ta'thiri* sebagai salah satu bentuk dari *I'jazul Qur'an* dalam kelasnya yang tersendiri dan kedudukan *i'jaz* nya yang meninggalkan kesan yang bukan kecil kepada diri pendengar dan pembacanya, baik orang kafir, Muslim, bangsa 'ajam atau Arab. Ia juga menukil pertimbangan ulama-ulama mazhab klasik dan mutakhir dan keluasan pentafsiran mereka tentang ruang lingkup *al-i'jaz* yang mencakup kehujahan dan dalilnya dari ayat al-Qur'an dan hadith. Perbincangan ini menyimpulkan pengaruh *i'jaz ta'thiri* yang positif dan mendalam yang menghasilkan kesan penyembuhan (*shifa*) [*al-Ta'thiri*] bagi manusia dan makhluk lain.

Dari tinjauan dalam tradisi kajian *i'jaz*, perbahasan tentang *i'jaz ta'thiri* umumnya terbahagi kepada bentuk *i'jaz al-fardi* dan *i'jaz al-jama'i*. Dan hal ini merangkumi aspek pendidikan (*ta'thir al-tarbawi*), perasaan (*ta'thir al-masya'ir*), kehormatan (*ta'thir al-karami*), dan penyembuhan (*ta'thir al-syifa'i*). *I'jaz ta'thiri al-fardi* merujuk kepada kesannya terhadap individu, yang melihat kesan al-Qur'an ke atas keperibadian seseorang dalam hubungannya dengan dirinya, hubungannya dengan orang lain, dan dalam hubungannya dengan Tuhan. *I'jaz ta'thiri al-jama'i* merujuk pada kesannya terhadap masyarakat umum, yang terkait dengan kesan kebudayaan dan intelektual (*ta'thir al-thaqafi*), terutamanya dalam masyarakat Jahiliyah Arab. *ta'thir al-syifa'i* terbahagi kepada *al-syifa' al-Qurani al-wiqa'i* (pencegahan) dan *al-syifa' al-Qurani al-'ilaji* (terapeutik) di mana kedua-duanya, aspek preventif dan terapeutik ini ditekankan di dalam nusus al-Quran. Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitabnya *al-Tibb al-Nabawi*, Nabi SAW menggunakan tiga asas ubatan untuk merawat: bahan semulajadi, ketuhanan (metafizik) dan gabungan keduanya.

*I'jaz ta'thiri al-'ilaji* merujuk pada pengaruh dari *i'jaz* yang memberi kesan penyembuhan dan penjagaannya ke atas kaum mukmin, berdasarkan keterangan dalam surah al-Isra' ayat 86: "Dan Kami turunkan dari al-Qur'an suatu yang menjadi penawar

dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Qur'an itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian". Dalam penafsirannya berhubung ayat ini, Imam al-Sya'rawi menyebut: "Maka saat engkau mendengarkan al-Qur'an nescaya ia menyembuhkanmu daripada penyakit yang dideritai oleh jiwa dan menguatkan daya kudratmu untuk melawan penyakit, dan mengeluarkan tenaga penyembuh yang tersembunyi dalam batinmu yang terdalam, dan ia adalah rahmat bagimu tatkala engkau mengambilnya sebagai jalan (*manhaj*), dan menerapkannya dalam kehidupanmu nescaya ia mengurniakanmu penangkal yang membentengi dan memeliharamu dari sakit. Maka ia adalah ubat penyembuhan (*tib 'ilaji*) dan pencegah (*wiqa'i*) pada satu masa sekaligus." (h. 1636) Dan keterangan ayat 44 surah *Fussilat* yang berbunyi: "Katakanlah: al-Qur'an itu menjadi petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman; dan sebaliknya orang-orang yang tidak beriman, (al-Qur'an) itu menjadi sebagai satu penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar) dan ia juga merupakan gelap gelita yang menimpa (pandangan) mereka". Imam al-Sa'di dalam menakwilkan mafhum ayat menyebut dalam tafsirnya, "apa yang dengannya berhasil petunjuk yang sempurna dan penawar bagi mereka daripada penyakit badan dan penyakit hati kerana ia menghalang daripada akhlak yang buruk dan perilaku yang jelek dan mendorong kepada taubat yang ikhlas yang menyucikan dosa dan menyembuhkan hati" (juz 1, h. 751).

Berasaskan dapatan ini, pengkaji berpandangan isu utama dalam kajian *I'jaz Ta'thiri* ini adalah terkait dengan epistemologinya (hakikat dan falsafah ilmu) dan tentang kesan dan pengaruh ayat-ayat al-Qur'an ke atas jasmani dan emosi. Terdapat kekhilafan tentang istilahnya, yang dibayangkan dari terminologi yang berbeza yang diterapkan oleh para fuqaha' dan mufassir. Sebagai contoh Syaikh Muhammad al-Ghazali dan Muhammad 'Abd al-Ghani Hasan menggambarkannya sebagai *I'jaz al-Nafsi*; Al-Khattabi, Qadi 'Iyad, al-Baqilani, al-Zarkasyi, dan Sa'd al-Din al-Sayyid Salih yang mengiranya sebagai *I'jaz al-Qalbi*; Muhammad 'Abd al-'Azim al-Zarqani yang menyebutnya sebagai *I'jaz al-Wijdani*; dan Shaykh Muhammad Nabhan al-Khabbaz, 'Afif 'Abd al-Fattah al-Tabbarah dan 'Abd al-Karim al-Khatib yang memandangnya sebagai *I'jaz al-Ruhi* (Ziad 'Awwad Abu Hammad, 2002).

Pendekatan kajian *I'jaz ta'thiri* ini melihat kesan lantunan ayat al-Qur'an ke atas jasmani, emosi hati/jiwa, rohani, dan intelektual seseorang. Dimana ternyata ianya terkesan oleh pengaruh al Qur'an tatkala mendengar atau membaca ayat al Quran. Dalam tinjauannya tentang kesan bacaan al-Qur'an terhadap sel kultur, Rosyafirah Hashim et al. (2017) melihat bahawa penggunaan bacaan al-Qur'an untuk tujuan terapeutik dapat dilihat dari zaman Nabi (saw) di mana bacaan ini mempunyai kesan terapeutik yang positif meski individu itu tidak memahami makna ayat-ayatnya, dan kajianya memperlihatkan bahawa otak, sel pendengaran dan sel-sel lain bertindakbalas terhadap bunyi. Penemuannya ini dapat dihubungkait dengan aspek neurosains (energy healing), terapi bunyi, terapi muzik sebagai suatu bentuk penelitian *I'jaz al-Souti* dan terutama perkaitannya dengan konsep syifa' dalam al-Qur'an.

Dalam tinjauannya tentang kesan ayat-ayat *manzil* ke atas penagih dadah, Samhani Ismail et al (2019) menyajikan dalil saintifik yang membuktikan bahawa ayat-ayat *manzil* bertindak sebagai terapi berirama yang menenangkan deria, kesadaran dan debaran jantung. Menurut Adnan Mohamed Yusoff (2014) dalam kertas kerjanya menyangkut penggunaan al-Quran sebagai wahana terapi ke atas anak-anak istimewa, menyimpulkan bahawa al-Qur'an mempunyai nada huruf yang bervariasi serta susunan huruf yang harmoni sehingga apabila dibaca atau didengari mampu memberikan kesan (*i'jaz ta'thiri*) dalam pelbagai sudut antaranya kesihatan dan daya penyembuhan.

## KESIMPULAN

Tanggapan umum tentang terminologi *i'jaz ta'thiri* belum menampakkan pengaruh yang meluas dalam kehidupan ummah. Perbahasan tentang *i'jaz ta'thiri* dipaparkan dalam karya dan aspek pemerhatian salaf, namun dalam perkembangan moden perkara ini perlu diterokai secara *cross sectional*. Perhatian moden tentang *i'jaz ta'thiri* (mukjizat keberkesanan) dan permasalahan asasnya lebih melihat pada perumusan *fiqhiyyah* dalam karya-karya intelektual. Setakat ini, belum terdapat kupasan tentang tema ini secara mendalam dan signifikan. Tegasnya, kajian-kajian berkenaan *i'jaz ta'thiri* terkesan sederhana dan belum melahirkan penelitian-penelitian yang berpengaruh dan memberi keyakinan tentang aspek-aspeknya yang mendasar.

Pada asasnya kesedaran tentang *i'jaz ta'thiri* perlu diperluaskan dan dalam konteks hubungannya yang kritikal dengan kenyataan hidup Muslim dan keperluan tradisi intelektualnya untuk mendalami pengetahuan *i'jaz* dan kaedah-kaedahnya yang utuh yang memperbincangkan ranah pemikiran *i'jaz* ini dalam aspek-aspeknya yang khusus dan spesifik. Kesan yang signifikan dari pemahaman tentang pengaruh al-Qur'an dan nilai kesuciannya (*tanzih*) dapat melahirkan penghargaan terhadap kekuatan dan nilai kemukjizatannya dan sekaligus menjawab tentang-tentangan metafizik terhadapnya. Keprihatinan umat terhadap *i'jaz ta'thiri* ini dapat memberi pemahaman yang bermakna tentang ketinggian al-Qur'an dan kepentingannya dalam menghadapi cabaran dan tantangan moral dan spiritual yang dihadapi pemikiran moden kini.

## RUJUKAN

- Abdullah bin Muqbil al-Qarni, “Ara’ al-‘Ulama’ fi Tahdid Awjuh al-I‘jaz”, *Jami‘ah Umm al-Qura*, 8 Jun 2017, diakses dari <http://www.rabtasunna.com/upload/library/files/Ara’/al-‘Ulama’/fi/Tahdid/Awjuh/al-I‘jaz>, dan <http://uqu.edu.sa/page/ar/61054>
- ‘Abd al-Karim ‘Ali Abduh al-Fahdi, *Al-I‘jaz al-Ta’tthiri lil Qur’ani al-Karim*. Republik Yaman: t.t.p., 1431/2010.
- Abu Zaki Ismail, “Mukjizat Bilangan dalam al-Qur'an: Kajian Perbandingan antara Bassam Nihad Jarrar dan ‘Abd al-Da’im al-Kahil” (Tesis PhD., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2017).
- Adnan Mohamed Yusoff, “Kertas Kerja Model Pendekatan Pendidikan dan Terapi Berkonsepkan al-Qur'an untuk Anak Istimewa”. Seminar Pendidikan Anak-Anak Istimewa dalam Islam, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) dan Yayasan FAQEH, 20-21 Ogos, 2014.
- Adik Hermawan, “*I‘jaz Al-Quran dalam Pemikiran Yusuf al-Qardhawi*”. *Jurnal Madaniyah*, Vol. 2, ed. xi (Ogos 2016), 201-220.
- Al-Baqillani, Abu Bakr. ‘Ijaz al-Quran. Kaherah: Dar al-Ma’arif, 2009.
- Al-Buti, Muhammad Sa’id Ramadan. Mukjizat Al-Quran Huraian dan Kupasan Terkini. Melaka: Rabbani Books & Media, 2021.
- Al-Sa‘id, Mustafa. *Al-I‘jaz al-Ta’tthiri lil-Qur’ani al-Karim wa Atharuhu fi al-Dawah ila Allah*

- Ta'ala.* Kaherah: Ajyaluna, 2009.
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman b. Kamal al-Din Abu Bakr b. Muhammad, *Mu'tarak al-Aqrān*. Muhammad 'Ali al-Bjawiyy (ed.), j. 2. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1969.
- Amir M.A.L., Wan Fara A.W.A.K., Mohd Zaid D, Mohd Amzari T, Kartini I, "Quranic Recitation using Technology as Complimentary Therapy to Ameliorate Social Skills for Children with Autism Spectrum Disorder (ASD)", *International Journal of Human and Health Sciences. Supplementary Issue*, 2019.
- 'Ayid Taha Nasif, *Al-I'jaz al-Wajdani fil Qur'an*. Alexandria: Mu'assasah Hawras al-Dawliyah, 2008.
- Dhaifi Syauqi, *Mu'jizat al-Quran*. Kaherah: Dar al-Ma'arif, t.th.
- Fadl Hasan Abbas, *I'jaz al-Quran al-karim*. Jordan: Dar al-nafais, Cetakan 7, 2009.
- Husain, Abdul Qahir, *Athar al-Nuhat fi Bahth al-Balaghah*. T.tp: t.p., t.th.
- Ibn Qayyim al-Jawziyya. *Medicine of the Prophet* (diterjemahkan oleh Penelope Johnstone). Cambridge, UK: Islamic Texts Society, 1998.
- Kartini, "I'jaz Alquran (Pandangan Abdul Qahir al-Jurjani)". *Pusaka: Jurnal Khazanah Keagamaan*, Vol. 3, No. 2 (2015), 211-220.
- Khalid Muhammad al-Qudah, *Al-I'jaz al-Ta'thiri li al-Qur'an al-Karim*. Mu'tamar Kulliyah al-Shariah al-Sabi', Jamiah al-Zarqa' al-Ahliyyah, 2005.
- Manna' Khalil al-Qattan, *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah Wahbah, t.th.
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Ahmad Shahir Mohd Shah, Robiatul Adawiyah Mohd, "Concept of Shifa' in al-Qur'an: Islamic Medicine Approach in Healing Physical Disorder". *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, Vol. 6, No. 1 (2017), 1-19.
- Monika@Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, "Penyalahgunaan Ayat al-Quran dan Penyelewengan Pusat Pengubatan Islam di Malaysia", *JONUS Journal of Nusantara Studies*, Vol. 4, No. 2 (2019), 429-448.
- Muhammad Farid Wajdi, *Da'irah al-Ma'arif al-Qarn al- 'Isyrin*. Dar al-Ma'rifah, 1971.
- Muhammad Mutawalli Sya'rawi, *Mukjizat al-Quran*. Syed Ahmad Semait (pent.). Singapura: Pustaka Nasional, 2004.
- Radwan Jamal Atrash, *Risalah fi al-I'jaz al-Qur'ani*. Kuala Lumpur: IIUM Press, 2007.
- Raflis Sabirin, *Pengubatan al-Qur'an: Penawar Segala Penyakit*. Batu Caves: Pustaka al-Ehsan, 2014.
- Raflis Sabirin, *Ikhtiar Penyembuhan Penyakit Pengubatan Al-Quran*. T.tp: Sri Saujana Marketing, t.th.
- Rosyafirah Hashim et al., "Healing with Sound: Exploring Possible Applications of Qur'anic Recitation in Cell Culture". *Revelation and Science*, vol. 7, no. 1 (1438/2017), 32-41.
- S. Agil Husin Munawar dan Abd. Rahman Umar (trans.). *Sistem Kedokteran Nabi (saw) Kesehatan dan Pengobatan Menurut Petunjuk Nabi Muhammad SAW*. Semarang: Pt. Dina Utama, 1994.
- Saged, Ali Ali Gobaili. "Al-I'jaz al-Qur'ani al-Ta'thiri fi 'Ilaj al-Amrad al-Nafsiyah: Dirasah Tahliliyah Maydaniah" (Tesis, Universiti Malaya, t.t.)
- Samhani Ismail et al., "Manzil Verses and Tranquiling Effect in Opiate Dependents".

*Malaysian Journal for Islamic Studies*, vol. 3, bil. 1 (2019), 12-26.

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Ahmed S.A. Alqodsi, “Wujuh al-I‘jaz al-Ta‘thiri fi al Qur‘an al-Karim”, dalam Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusastraan Arab (SEMBARA 2017), UniSZA, 28 Oktober 2017.

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Ahmed S.A. Alqodsi, Wan Rohani Wan Taib, “The Ruqyah Syar‘iyyah Verses as a Breast Cancer Therapy: A Preliminary Evaluation on Breast Cancer Cell Line (MCF-7)”, *Asia Proceedings of Social Sciences* 6 (2), 2020, pp. 121-124.

Shihab, M. Quraish, *Mukjizat Al-Quran Ditinjau dari Aspek Kebahasaan, Isyarat Ilmiah dan Pemberitaan Gaib*. Bandung: Mizan, 2007.

Sholahuddin Ashani, “Konstruksi Pemahaman terhadap I‘jaz Al Quran”, *Analytica Islamica*, Vol. 4, No. 2 (2015), 217-230.

Umayrah, Hanan Ismail. (2006). *Attarakib Al A‘lamiyah fi Allughah Al Arabiyyah, Tob’ah 1*, Amman Urdun: Dar Wael Linnasyr .

Yusuf al-Qaradawi. *Mawqif al-Islam min al Ilham wa'l-Kasyf ar-ru'ya wa min at-tama'im wa'l-kahanah wa ar-ruqo*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2002.

Ziad ‘Awwad Abu Hammad, “Al-I‘jaz al-Ta‘thiri fil Qur‘an al-Karim”. *Majallah Jami‘ah Dimashq*, 18 (1), 2002, 357-387.